

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

11
MAY

APRISIASI BUDAYA DAN KESENIAN TARIK MINAT PELAJAR KEJURUTERAAN



NIBONG TEBAL, 9 Mei 2015 – Muzik itu halal selagi tiada unsur haram di dalamnya dan kini lagu-lagu ketuhanan tidak lagi tersekat dengan melodi yang sama malah terus diterima pelbagai golongan masyarakat kini.

Bertitik tolak daripada itu, Pusat Islam Kampus Kejuruteraan dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kampus Kejuruteraan telah menganjurkan Malam Aprisiasi Kebudayaan & Kesenian Islam (MAKKIs) 2015 di sini semalam.



Menurut Penasihat Program, Ustaz Mohd Mohsin Sirun, tujuan program diadakan adalah untuk menyampaikan mesej kepada mahasiswa bahawa Islam tidak menghalang hiburan selagi ia berpandukan kepada syaraq.

“Kita ingin mengajak mahasiswa menemui fitrah yang sebenar iaitu fitrah manusia yang ingin kepada perkara yang baik dan hiburan itu adalah merupakan satu fitrah manusia,” kata Mohsin ketika ditemui sebelum majlis bermula.

“Sebenarnya lagu ketuhanan atau nasyid membawa kepada fitrah manusia yang semula jadi berbanding dengan lagu-lagu yang melalaikan,” kata Mohsin lagi.



Mohsin berharap seni dan hiburan seperti ini dapat memberi ketenangan mereka yang menghadapi tekanan dalam menghadapi peperiksaan yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Antara yang mengadakan persembahan ialah kumpulan Farhan yang terdiri daripada sembilan orang ahli dalam kalangan mahasiswa Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan ditubuhkan sejak beberapa generasi sebelum ini yang turut disertai oleh seorang pelajar Ijazah Tinggi, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik yang berasal dari negara Syria.

Pelajar yang lebih dikenali dengan panggilan Maher Zain Malaysia bukan sahaja mempunyai bakat besar dalam mendendangkan lagu-lagu ketuhanan malah petah berbahasa Melayu dan turut disenangi rakan-rakan sepejuangan.

Turut menampilkan persembahan ialah kumpulan Zulfan yang sempat mendendangkan tiga buah lagu dan kumpulan UNIC yang dianggotai oleh Bazli Hazwan Che Osman dan Fakhru Radhi tampil dengan penyanyi undangan mereka iaitu Imam Muda Najdi berjaya menghangatkan persembahan nasyid pada malam itu sambil menyampaikan dakwah dan mesej-mesej yang sangat berguna kepada mahasiswa dan penonton yang hadir.

MAKKIs 2015 yang berlangsung di Dewan Pusat Pembangunan Mahasiswa (PUMA) diakhiri dengan selawat (Yahana) secara beramai bersama penonton dan dipimpin oleh kumpulan UNIC.

Turut diadakan ialah bazar jualan amal oleh persatuan pelajar dan staf bagi memberi peluang kepada mereka untuk menambah dana dalam menggerakkan persatuan serta pendapatan masing-masing. -
Teks: Mohd Kamil Ashar/Foto: Bani Faidzainami Baniyamin



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015